

14 OCT 1998

Mahathir-Demokrasi

MAHATHIR GESA RAKYAT PASTIKAN NEGARA TERUS SEJAHTERA

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat perlu mempertahankan sistem demokrasi di negara ini bagi memastikan kesejahteraan yang dikecapi selama ini berkekalan.

Perdana Menteri berkata demokrasi tidak dengan sendirinya berjalan baik jika rakyat tidak memahaminya dan tidak berusaha menjayakannya.

Rakyat Malaysia perlu sedar bahawa nikmat hidup dalam suasana aman damai di negara ini bukan terjadi dengan sendiri tetapi perlu diusahakan, katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Perpaduan 1998 peringkat kebangsaan di Dewan Jubli Perak di sini.

Beliau berkata, di Malaysia sehingga ini tiada cubaan untuk membelakangkan demokrasi dan mahkamah kerana biasanya saluran yang tertib digunakan untuk menyuarakan rasa tidak puas hati.

"Rusuhan, tunjuk perasaan dan kelakuan tidak senonoh bukan cara rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, keamanan yang dikecapi itu membolehkan rakyat hidup dengan sempurna, pergi ke mana-mana menjalankan urusan harian untuk mencari makan dan menghiburkan hati tanpa gangguan kerana tiada rusuhan.

Kira-kira 5,000 orang menghadiri majlis itu.

Bercakap pada persidangan berita kemudian, Perdana Menteri berkata pada masa ini terdapat pihak-pihak yang seolah-olah tidak begitu suka kepada cara demokrasi dan perundangan yang tertib.

"Mereka cuba mengalih kepada 'mob rule,' 'street justice.' Mereka ingin selesaikan masalah dan mengadili melalui siapa yang lebih kuat dan siapa lebih sanggup mencetuskan huru-hara," katanya.

Beliau berkata jika negara menuju ke arah itu, negara mungkin tidak akan aman dan rakyat akan menderita kerana "apa yang satu pihak boleh buat, pihak lain juga boleh buat... akan ada clashes".

Di Malaysia, jika sesiapa didapati bersalah di mahkamah, mereka masih boleh merayu terhadap keputusan itu ke peringkat mahkamah yang lebih tinggi dan keputusan akhir perlu diterima.

Katanya, jika seseorang itu berasa dirinya teraniaya, ada tempat untuknya mengadu dengan cara yang tertib.

Beliau berkata undang-undang negara dilaksanakan secara adil terhadap semua pihak tanpa mengira siapa yang melakukan kesalahan termasuk menteri Kabinet sekali pun.

Dr Mahathir berkata mahkamah sebelum ini sudah beberapa kali menjatuhkan hukuman terhadap orang yang memegang jawatan tinggi dalam kerajaan dan keputusan dibuat tanpa mengambil kira jawatan mereka.

"Ada hukuman mati yang dikenakan kepada menteri dalam Kabinet tetapi kabinet atau parti tidak membantah, kita menghormati keputusan mahkamah," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia menghormati undang-undang dan jika ada sebarang rasa tidak puas hati terhadap sesuatu undang-undang, ia boleh diubah melalui perbahasan di Parlimen.

Beliau berkata adalah tidak wajar sekiranya ada pihak yang mahukan keadilan hanya jika ia tidak melibatkan diri mereka.

"Dengan ini terjadilah keadilan yang dilaksanakan pada pihak lain dan bukan pada dirinya sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata perpaduan negara yang rakyatnya berbilang kaum, budaya dan agama telah terjalin sekian lama dan ia terbukti semasa negara menganjurkan Sukan Komanwel Ke-16 bulan lepas.

"Perpaduan pelbagai kaum dilihat melalui mereka yang memberi tepuk sorak kepada atlet kita yang masuk stadium... rakyat berdiri dan menyanyikan lagu kebangsaan bersama-sama tanpa arahan mana-mana pihak," katanya.

Dr Mahathir berkata perpaduan yang kukuh ini masih dipertahankan biarpun negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Katanya di dalam sesuatu masyarakat, perpaduan boleh dicapai dengan menghormati jiran dan mengambil berat sensitiviti mereka.

-- BERNAMA

RAZ NMO